

KHUTBAH JUMAAT

"ISTIQAMAH DAN ZIARAH-MENZIARAH TUNTUTAN ISLAM" (12 April 2024M/ 3 Syawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ، وَإِمَاماً لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّداً لِلْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Iman dan takwa, menyinari hati umpama pelita, menyemarakkan kebaikan dalam diri, memimpin insan ke jalan yang mulia, menghakis sifat yang tercela, menyuburkan kasih dan cinta, ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Justeru, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jegalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan

ganjaran pahala yang sempurna. Khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Istiqamah Dan Ziarah-Menziarahi Tuntutan Islam**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ramadan yang berlalu telah meninggalkan pelbagai kesan positif buat diri kita agar terus membentuk jiwa dengan takwa. Syawal pula diraikan penuh kesyukuran menurut tatacara yang dibimbing dalam Islam.

Sesungguhnya, antara nikmat paling besar yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita adalah peluang berada dalam Ramadan sebulan penuh dengan melaksanakan segala bentuk ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Nikmat ini haruslah disyukuri dengan erti kata sebenarnya iaitu tetap beristiqamah (konsisten) dalam menunaikan ibadah, melaksanakan ketaatan dan menjauhi segala tegahan-Nya.

Hasil tarbiyah dalam bulan Ramadan sepatutnya menjadi pembimbing dalam mengharungi bulan-bulan yang mendatang. Konsistensi menjaga diri dari melakukan dosa besar merupakan syarat kepada dihapuskan dosa sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

((الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفَّرٌ
مَا بَيْنَهُنَّ مَا اجْتُنِبَتِ الْكَبَائِرُ))

Maksudnya: Solat fardu lima waktu, solat Jumaat ke Jumaat berikutnya, Ramadan ke Ramadan berikutnya adalah penghapus

dosa yang dilakukan antara keduanya, selagi mana dia menjauhi dosa-dosa besar.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Syukur kepada Allah *subhanahu wata'ala* kerana kita telah meraikan hari kemenangan bagi seluruh umat Islam dengan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Mungkin ada dalam kalangan kita sudah mula melaksanakan puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal yang ganjarannya apabila dilaksanakan setelah sebulan berpuasa bersamaan dengan puasa setahun.

Segala amalan baik sepanjang Ramadan menuntut istiqamah dalam pelaksanaannya. Ayuh kita tanamkan azam untuk meneruskan segala amalan hasil didikan Ramadan secara istiqamah sepanjang tahun. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Ahqaf, ayat 13-14:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُواْ رَبُّنَا اللَّهُ تُمَّ اسْتَقْدِمُواْ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْرَنُونَ (١٣)
أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ خَلِيلُ الدِّينِ فِيهَا جَزَاءٌ بِمَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ (٤)

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. Merekalah ahli Syurga, tetapi kekallah mereka di dalamnya, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari raya sinonim dengan amalan berziarah dan kunjung-mengunjung antara satu sama lain. Sesungguhnya, amalan berziarah merupakan salah satu daripada sunnah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang digalakkan untuk dilakukan. Sudah pasti amalan ziarah itu mempunyai hikmah yang besar, antaranya mengeratkan silaturrahim, mendekatkan yang jauh, mengubat kerinduan, saling bermaafan dalam pertemuan dan pelbagai rahsia yang tersembunyi di sebalik amalan berziarah ini. Inilah sebahagian daripada keindahan Islam dan begitu besarnya hikmah amalan berziarah dan saling bermaafan.

Oleh sebab itu, pada kesempatan ini, khatib ingin mengingatkan agar kita sentiasa mematuhi ketetapan dan adab-adab Islam dalam amalan ziarah. Antaranya:

Pertama: Meminta izin untuk hadir dan memberi salam sebelum masuk ke dalam rumah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Nur, ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ شَتَّانِسُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ
أَهْلِهَا ۚ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ (٢٧)

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu).

Kedua: Tidak mengintai atau menghendap ketika sampai di rumah orang, elakkan mengintai atau menjengah di jendela untuk memastikan keberadaan tuan rumah. Cukup sekadar memberi salam sebanyak tiga kali dan menunggu respon tuan rumah sekiranya ada. Kita juga dilarang untuk mengintip dan mencari-cari keaiban tuan rumah dengan melihat kekurangan mereka.

Ketiga: Menjaga pandangan pandangan mata kita sebagai tetamu mestilah dijaga dengan tidak meliar ke arah dapur atau bilik tuan rumah supaya tidak tersingkap aurat tuan rumah.

Keempat: Menjaga anak yang dibawa jika kita datang bersama anak-anak, pastikan mereka tidak mengotori atau mengusik barang tuan rumah. Jika masih berlaku, maka hendaklah kita menasihati mereka dengan sebaiknya. Dalam hal ini, persediaan awal mesti dilakukan sebelum keluar berziarah dengan memberi pesanan awal dan didikan kepada anak-anak tentang adab berziarah.

Kelima: Memilih waktu yang sesuai dan tidak terlalu lama. Untuk berziarah, pilihlah waktu yang sesuai dan elakkan berziarah pada waktu-waktu yang kebiasaananya waktu berehat seperti waktu tengah hari, ketika masuknya waktu solat dan waktu lewat malam. Apabila berziarah juga, elakkan duduk terlalu lama bagi mengelakkan kesusahan kepada tuan rumah.

Keenam: Ucapkan terima kasih dan doakan yang baik-baik kepada tuan rumah atas layanan dan kesudian menerima kunjungan

tersebut. Para tuan rumah juga perlu melayani tetamu dengan penuh kasih sayang dan menyantuni mereka dengan sebaiknya kerana ia juga termasuk dalam tuntutan Islam sebagaimana dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *rahimahullah* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَصِلْ رَحْمَةً، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَالْيَقِنُ خَيْرًا أَوْ لِيَصُمُّتْ))

Maksudnya: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaknya dia memuliakan tetamunya dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia menyambung tali silaturahim dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam.

Dalam berziarah juga, khatib suka untuk memberi pesanan kepada seluruh umat Islam agar memakai pakaian yang menutup aurat dan tidak menjolok mata. Batas pergaulan juga mesti dijaga antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Elakkan pertemuan antara lelaki dan wanita yang boleh menimbulkan fitnah dan pergaulan yang terlampau bebas.

Penting juga untuk khatib sentiasa memberi peringatan agar kita tidak terlalu ghairah merakam gambar atau video saudara-saudara kita dengan tujuan sebagai kandungan media sosial. Kemudahan-kemudahan teknologi yang ada mesti dimanfaatkan kepada tujuan

yang baik dan dengan cara yang baik. Jangan kerana keghairahan kita membuat kandungan di media sosial untuk mencari keuntungan atau populariti, kita menggadaikan maruah dan aib saudara-saudara kita dengan merakam dan memuat naik gambar atau video mereka.

Kita juga berziarah bukan dengan tujuan hendak menunjuk-nunjuk kemewahan atau kelebihan yang kita ada. Sebaliknya, amalan berkunjung ini merupakan salah satu cara kita meraih ganjaran pahala dan keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada al-Bara' bin 'Azib *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافَّهَا نِإِلَّا غُفرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَفْتَرِقَا))

Maksudnya: *Tidaklah dua orang muslim bertemu lalu saling berjabat tangan, melainkan diampuni bagi keduanya sebelum keduanya berpisah.*

(*Hadis hasan raghib riwayat Imam at-Tirmizi*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting dari khutbah yang disampaikan.

Pertama : Tarbiyah dalam Bulan Ramadan menjadi perangsang kepada jiwa untuk istiqamah mendekatkan diri kepada Allah SWT

Kedua : Sesungguhnya kemenangan dan kejayaan yang sebenar ialah dengan istiqamah dalam ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta menjaga diri dari melakukan kemaksiatan dan kemungkaran.

Ketiga : Teruskan kesinambungan ibadah puasa di bulan Ramadan dengan melaksanakan ibadah puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal.

Keempat : Amalan berziarah mestilah menurut bimbingan dan adab yang telah dianjurkan dalam Islam.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Aali Imran, ayat 8 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً ۝ إِنَّكَ أَنْتَ
الْوَهَابُ (٨)

Maksudnya : (*Mereka berdoa dengan berkata*): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتُنَا وَصِيَامُنَا وَقِيَامُنَا وَتَخْشُعُنَا وَتَضَرُّعُنَا وَتَبَدُّلُنَا وَتَمِّمْ
تَقْصِيرُنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.